



Penduduk
Palestin
membawa
jenazah
mangsa
tembakan
Israel
di timur Rafah,
kelmarin.

Gaza, Israel dalam bahaya: EU

BH 13/08/2018

Ms. 80

➔ Tentera Zionis di gesa kekang serangan pastikan orang awam tidak terus jadi mangsa

Brussels

Gaza dan Israel 'dalam bahaya' menuju konflik baharu susulan peningkatan keganasan sejak beberapa hari lalu, Kesatuan Eropah (EU) memberi amaran, 'pengurangan ketegangan' diperlukan segera bagi mengelak risiko lanjut kepada orang awam.

Ya ketika angka kematian terbaharu di pihak Palestin menjadi tiga orang selepas seorang lagi mangsa berusia 40-an yang cedera, maut kelmarin, kata

Kementerian Kesihatan Gaza.

Mangsa adalah antara sekurang-kurangnya 131 penduduk Palestin yang cedera terkena peluru Israel ketika bantahan Jumaat, walaupun ketika gencatan tidak rasmi menamatkan ketegangan antara pemerintah Islam Gaza, Hamas dan tentera Zionis dilaksanakan.

Kementerian berkata, secara keseluruhan, 307 penduduk Palestin cedera Jumaat lalu akibat gas pemedih mata termasuk dua wartawan dan lima anggota medik.

Mangsa terbaharu maut kelmarin dikenali Ahmed Abu Lulu, ditembak di timur sempadan bandar selatan Rafah, di mana dua lagi penduduk Palestin terbunuh.

Upacara pengebumian tiga mangsa itu berlangsung kelmarin, dihadiri ribuan penduduk.

Ketegangan memuncak

"Pelancaran roket dari Gaza ke arah penduduk di Selatan Israel serta tindakan keganasan lain dan provokasi oleh Hamas dan pejuang Palestin tidak dapat diterima," kata jurucakap hal ehwal luar EU dalam satu kenyataan.

Amaran EU itu dikeluarkan

ketika ketegangan kian memuncak, sehari selepas ketegangan membawa maut antara tentera Israel dan Hamas.

Khamis lalu, Israel melancarkan serangan udara besar-besaran ke atas Gaza, sebagai tindak balas lebih 180 serangan roket dan mortar oleh Hamas dan sekutunya malam Rabu.

Perjanjian gencatan senjata tidak rasmi antara dua seteru itu berkuat kuasa, tengah malam Jumaat.

EU dalam kenyataan tambahan berkata, walaupun mempunyai hak untuk mempertahankan diri, Israel perlu terus mengekang dan melakukan apa saja untuk memastikan orang awam tidak terus menjadi mangsa di Gaza.

Badan Eropah itu berkata, kematian seorang wanita hamil warga Palestin dan anaknya adalah kehilangan tragis terbaharu.

"Kesatuan Eropah mengulangi sokongan penuh terhadap usaha Mesir dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mengurangkan ketegangan dan meredakan keadaan di Gaza, termasuk meningkatkan tindak balas antarabangsa terhadap krisis semasa, selain mengurangkan akses serta pergerakan," katanya.

AFP